

APK cungkil bakat pelajar hasilkan produk, perkhidmatan berinovasi

48 25.5.2014 44

KOTA KINABALU: Seramai 182 kumpulan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam aliran Sastera menyertai Ekspos Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) ke-10.

Bertemakan 'Live Simply, Dream Big', ekspos APK merupakan satu platform kepada siswa-siswi untuk berfikir secara kreatif dalam merancang perniagaan bagi menembusi pasaran yang lebih luas.

Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Prof. Dr. Vincent Pang dalam ucapannya berkata, siswa-siswi masa kini perlu mempelajari kemahiran insaniah untuk bekalan dalam mengharungi cabaran perniagaan dan peluang pekerjaan pada masa akan datang.

"Justeru, penganjuran ekspos ini tidak terhad hanya kepada pelajar jurusan ekonomi sekali gus membuktikan para pelajar UMS mempunyai



VINCENT melawat gerai jualan pada program itu.

kemahiran serba boleh dan berani menyahut segala cabaran," katanya ketika merasmikan program berkenaan.

Tambahbeliau, APK juga antaralain mampu memberi peluang dan mencungkil bakat siswa-siswi dengan menunjukkan daya kreativiti masing-masing dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berinovasi.

Selain jualan barang katanya, terdapat juga

kempen kesihatan dan derma darah, kempen kitar semula, kempen kesihatan, pertandingan Catur Barat serta persediaan Mud Ball bagi tujuan pembersihan air laut.

Ekspos yang berlangsung sehingga 6 Mei 2014 disertai pelajar-pelajar daripada Kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan yang merupakan salah satu kursus wajib semua pelajar peringkat prasiswazah di UMS.